

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Pengajian Undang-Undang
Sent: Wednesday, May 17, 2017 2:37 PM
To: UUM - All Staff
Subject: PELAJAR TAHUN AKHIR UNDANG-UNDANG TIMBA ILMU DI IPD KUBANG PASU, JITRA



PUSAT PENGAJIAN UNDANG-UNDANG
SCHOOL OF LAW
Universiti Utara Malaysia

17 MEI 2017 / 20 SYAABAN 1438H

=====
"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan



SoL Online: Pada tanggal 2 Mei 2017, Pusat Pengajian Undang-Undang, Universiti Utara Malaysia telah mengadakan lawatan ke Ibu Pejabat Polis Daerah Kubang Pasu. Lawatan ini telah diketuai oleh barisan pensyarah kanan Pusat Pengajian Undang-Undang iaitu Puan Mumtaj Hassan, Puan Fariza Romli dan Encik Al-Hanisham Mohd Khalid. Tiga orang pegawai dari Unit Undang-Undang Encik Md Rejab Md Desa, Puan Mahani Salleh dan Puan Zuraida Zakaria turut serta dalam lawatan ini. Lawatan ini turut disertai oleh 32 orang pelajar Undang-Undang tahun akhir UUM.

Para pelajar tiba di perkarangan IPD Kubang Pasu pada sekitar jam 9 pagi dan disambut baik oleh Inspektor Shahrozana Mastas dan Inspektor Izzati Faraina. Selepas tamat sesi bergambar, satu sesi taklimat bertajuk “Prosedur Penyiasatan Polis” telah disampaikan oleh Inspektor Shahrozana, pegawai siasatan perundangan di Bahagian Siasatan Jenayah. Taklimat tersebut meliputi “First Information Report (FIR)”, peranan pegawai penyiasat (IO), prosedur penyiasatan seperti yang termaktub dalam Kanun Tatacara Jenayah.

Selepas tamat sesi perkongsian ilmu bersama Inspektor Shahrozana dan Inspektor Izzati Faraina, para pelajar diberikan peluang untuk sesi soal jawab. Antara soalan yang diajukan oleh pelajar ialah berkenaan PRS atau “Police Reporting System” dan syarat bagi penarikan balik suatu aduan atau laporan polis.

Selepas tamat sesi soal jawab, staf dan pelajar dibawa melawat sekitar IPD Kubang Pasu. Antara yang dilawati ialah Pusat Identifikasi Forensik Setempat (PIKOS) yang bertanggungjawab dalam menguruskan identifikasi seperti DNA atau air liur. Pelajar turut berkesempatan melihat Bahagian Siasatan Jenayah, bilik IO Jenayah yang dilengkapi dengan bilik mesyuarat, bilik penyimpanan barang kes dan bilik KUS (Kemas Untuk Simpan) yang terletak di aras dua.

Di aras bawah, terdapat lokap bagi tahanan polis. Lokap turut digunakan sebagai transit banduan yang mempunyai kes di Mahkamah. Di dalam kawasan lokap tersebut, terdapat bilik soal siasat dan bilik tersebut turut digunakan bagi melakukan kawad cam. Seterusnya, pelajar dibawa melawat Bahagian Persenjaan IPD Kubang Pasu. Pegawai polis yang ingin mengambil senjata perlu mengisi buku POL 74C. Bahagian Persenjaan turut dikenali sebagai AMRA atau '*Army Mechanical Rifle Armament*'. Pelajar juga diberi penerangan tentang kod komunikasi antarabangsa.

Lawatan ke IPD Kubang Pasu memberikan pendedahan yang baik kepada para pelajar bagi memahami cabaran kerja pegawai polis dalam menjaga keamanan negara. Selain itu, para pelajar dapat mempelajari aspek prosedur jenayah secara teori dan praktikal.

Sekian.

Pejabat Dekan (Dean Office)
Pusat Pengajian Undang-Undang (School of Law)
UUM College of Law, Government & International Studies (UUM COLGIS)
Universiti Utara Malaysia | 06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia
Tel : 04-9288101 | Faks: 04-9288107 | Email : sol@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.